

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD  
[LANGKAWI - BN]**

**TARIKH : 27 MAC 2018 (SELASA)**

**SOALAN NO.21**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah ada perancangan Kementerian bagi menganjurkan acara sukan bertaraf antarabangsa secara tahunan di Pulau Langkawi agar ia dapat meningkatkan lagi kemasukan pelancong ke pulau ini.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara kebiasaanya penganjuran kejohanan antarabangsa di Malaysia adalah berdasarkan bidaan yang dibuat oleh Persatuan Sukan Kebangsaan kepada badan sukan antarabangsa masing-masing. Penentuan lokasi adalah bergantung kepada adanya *venue* pertandingan yang diiktiraf oleh badan antarabangsa sukan tersebut.
2. Buat masa ini, hanya kejohanan 'The Royal Langkawi International Regatta' dan 'Langkawi International Regatta' yang dikelolakan oleh Persatuan Pelayaran Malaysia dianjurkan pada setiap tahun secara konsisten bertempat di Pusat Latihan Perahu Layar Kebangsaan Langkawi, Majlis Sukan Negara.
3. Walau bagaimanapun, Langkawi juga sering mendapat tempat bagi penganjuran sukan-sukan lain seperti :-
  - a) Le Tour de Langkawi (LTdL) – berbasikal;
  - b) Langkawi IRONMAN – triathlon; dan
  - c) Langkawi International Mountain Bike Challenge - berbasikal bukit.

**SULIT**

4. Kementerian juga mengalu-alukan inisiatif pihak-pihak lain seperti Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, pihak swasta serta persatuan sukan dalam menganjurkan acara-acara sukan bertaraf antarabangsa. Walau bagaimanapun, para penganjur acara mestilah berkeupayaan serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan demi menjaga imej negara dalam penganjuran acara sukan antarabangsa.

Sekian, terima kasih.